

# METFORMIN TABLET

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Metformin hydrochloride (500 mg)

## Apakah yang ada di dalam risalah ini

1. Apakah kegunaan Metformin.
2. Bagaimana Metformin berfungsi.
3. Sebelum mengambil Metformin.
4. Cara mengambil Metformin.
5. Semasa menggunakan Metformin
6. Kesan-kesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Metformin
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## 1. Apakah kegunaan METFORMIN

Metformin tergolong dalam kumpulan ubat yang dipanggil Biguanid (salah satu jenis hipoglisemik oral). Metformin digunakan untuk diabetis Jenis 2 atau diabetis mellitus yang tidak bergantung kepada insulin.

Ubat ini diberi apabila diet dan senaman sahaja tidak mampu untuk mengawal paras gula dalam darah anda.

Metformin boleh diberikan secara tunggal. Walau bagaimanapun, kadangkala diberikan dengan ubat-ubatan diabetis lain atau dengan insulin.

## 2. Bagaimana METFORMIN berfungsi

Dalam diabetis jenis 2, terdapat terlalu banyak gula (glukosa) dalam darah anda. Ini adalah kerana tubuh anda tidak menghasilkan insulin yang cukup atau kerana insulin yang dihasilkan tidak berfungsi dengan betul.

Insulin ialah sejenis hormon yang membolehkan tisu badan anda menyerap glukos daripada darah dan digunakan untuk tenaga atau untuk disimpan untuk kegunaan di masa hadapan.

Metformin berfungsi dengan meningkatkan sensitiviti bahagian badan anda terhadap insulin. Ia membantu tubuh anda untuk menggunakan glukosa seperti yang biasa.

## 3. Sebelum mengambil METFORMIN

### Bila tidak boleh mengambil

Jangan makan Metformin, jika

- Anda alah (hipersensitif) kepada metformin atau mana-mana bahan-bahan lain dalam tablet ini (lihat seksyen mengenai perihal produk (bahan-bahan)). Reaksi alahan boleh termasuk ruam, gatal-gatal atau sesak nafas.

- Anda mengalami serangan jantung atau masalah jantung yang lain dalam masa yang terdekat
  - Anda mempunyai masalah peredaran darah yang teruk atau sukar bernafas
  - Anda mempunyai masalah hati atau buah pinggang
  - Anda pernah mengalami masalah yang serius dengan diabetis anda, dipanggil diabetic ketoacidosis. Kesan dari ini, anda telah kehilangan berat badan dengan cepat, merasa mual (loya) atau muntah. Lihat juga bahagian mengenai 'kesan sampingan'.
  - Anda telah mengalami jangkitan yang teruk, kecederaan atau trauma (kejutan) dalam waktu yang terdekat.
  - Anda ternyahhidrat
  - Anda seorang pemumin alkohol
  - Anda hamil, sedang merancang untuk hamil atau sedang menyusukan bayi (lihat Kehamilan dan penyusuan bayi).
- Jangan ambil ubat ini jika anda tergolong dari salah satu di atas. Jika anda tidak pasti, bincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil metformin.

### Sebelum mula mengambil

Ambil langkah khas dan periksa dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil metformin jika:

- Anda adalah warga tua
- Anda mengamalkan diet kalori yang sangat rendah (kurang daripada 1000 kalori sehari) atau berpuasa. Ini boleh meningkatkan kebarangkalian anda mengalami kesan sampingan yang sangat jarang berlaku tetapi serius, yang dipanggil 'lactic acidosis' (Lihat juga bahagian mengenai 'kesan sampingan')

Jika mana-mana di atas ada pada anda (atau anda tidak pasti), bincanglah dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil metformin.

Pembedahan dan ujian yang ketika mengambil Metformin

- Jumlah gula di dalam darah atau air kencing anda harus diperiksa secara berkala. Doktor anda juga akan memeriksa samada buah pinggang anda berfungsi dengan baik.

- Jika anda akan menjalani X-ray, beritahu doktor anda mengambil metformin.
- Jika anda akan menjalani pembedahan yang memerlukan anestetik am, beritahu doktor anda mengambil metformin sebelum pembedahan.

### Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda, sedang atau dalam masa terdekat, mengambil apa-apa ubat lain. Ini termasuk ubat-ubatan yang diperolehi tanpa preskripsi, termasuk ubatan herba. Ini adalah kerana metformin boleh menjelaskan fungsi ubat-ubatan lain. Beberapa ubat juga boleh mempengaruhi cara metformin berfungsi.

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mengambil ubat ini:

- Anticoagulants – terdapat kemungkinan berlakunya interaksi antara Metformin dan antikoagulan dan dos antikoagulan mungkin perlukan pelarasan.

Jika mana-mana di atas berlaku pada anda (atau anda tidak pasti), bincanglah dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil metformin.

Mengambil metformin dengan makanan dan minuman

- Anda perlu makan karbohidrat dengan kerap sepanjang hari. Jika doktor anda telah memberikan anda nasihat mengenai pemakanan anda, patuhilah.
- Jangan minum jumlah alkohol yang banyak atau mengambil ubat yang mengandungi alkohol semasa mengambil metformin

Kehamilan dan penyusuan bayi  
Jangan ambil ubat ini dan bincanglah dengan doktor jika anda hamil, bercadang untuk hamil atau sedang menyusukan bayi

Memandu dan menggunakan mesin

- Metformin biasanya tidak mempengaruhi keupayaan anda memandu.
- Walau bagaimanapun, jika anda juga mengambil ubat-ubat lain yang mengurangkan paras gula dalam darah anda mungkin berasa pitam, pening, lemah atau goyah. Jika ini berlaku, jangan memandu atau menggunakan apa-apa alat atau mesin.

#### **4. Cara menggunakan METFORMIN**

Pastikan metformin diambil sebagaimana yang doktor anda arahkan. Anda perlu menyemak dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti.

Mengambil ubat ini

- Telan tablet dengan segelas air.
- Ubat ini telah ditetapkan untuk anda. Jangan diberikan kepada orang lain. Ia mungkin membahayakan mereka, walaupun tanda-tanda yang mereka alami adalah sama seperti anda.

#### Berapa banyak perlu diambil

Dewasa

- Dos permulaan yang biasa adalah salah satu tablet 2 atau 3 kali sehari. Doktor akan memberitahu bila perlu mengambilnya
- doktor akan perlahan-lahan meningkatkan dos anda sampai ke dos yang sebenarnya. Ini akan membantu mengurangkan kemungkinan mendapat kesan sampingan seperti rasa loya atau muntah.
- Dos harian maksimum enam tablet 500mg

Warga tua

- Doktor mungkin akan memberikan anda dos yang lebih rendah untuk permulaan kerana terdapat risiko masalah buah pinggang.

#### Bila perlu diambil

- Ambil metformin bersama makanan. Ini mengurangkan risiko mendapat sakit perut.
- Cuba ambil ubat ini pada masa yang sama setiap hari supaya ia menjadi sebahagian daripada rutin harian anda.

#### Berapa lama perlu diambil

Ambil metformin sehingga dalah doktor memberitahu anda untuk berhenti. Jangan berhenti hanya kerana anda berasa lebih sihat. Jika anda berbuat begitu, penyakit anda mungkin menjadi lebih teruk.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan lanjut tentang penggunaan ubat ini, minta nasihat dari doktor atau ahli farmasi.

#### Jika terlupa menggunakan,

- Ambil seberapa segera yang anda ingat, bersama makanan berikutnya. Walau bagaimanapun, jika sudah terlalu hampir untuk dos seterusnya, anda tidak perlu mengambil dos yang terlepas.
- Ambil hanya satu dos seperti biasa.
- Jangan ambil dos berganda untuk dos yang terlupa

#### Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Beritahu doktor anda atau pergi ke jabatan kecemasan hospital terdekat dengan segera. Jangan lupa untuk membawa pek dan pil berbaki bersama anda. Ini adalah supaya doktor mengetahui apa yang telah anda mengambil.

Kesan-kesan yang berikut boleh berlaku jika anda mengambil terlalu banyak metformin: berasa terlalu tidak sihat, pernafasan yang sangat cepat dan anda tidak boleh menghentikannya, sakit perut atau rasa sejuk. Anda mungkin mengalami laktik asidosis.

#### **5. Semasa menggunakan METFORMIN**

##### Perkara yang perlu dilakukan

- Pemantauan fungsi buah pinggang secara berkala
- Anggaran tahunan tahap Vitamin B12
- Pemantauan paras glukosa darah yang kerap.

##### Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Anda tidak boleh melibatkan diri dalam senaman yang berlebihan atau dalam aktiviti-aktiviti yang boleh menyebabkan dehidrasi.

##### Perkara yang perlu diberi perhatian

- Ubat ini boleh menyebabkan perubahan aras gula dalam darah anda. Anda perlu tahu tanda-tanda ini dan apa yang perlu dilakukan jika anda mengalaminya.
- Anda mungkin mengalami hipoglisemia (gula darah rendah) semasa anda mengambil ubat ini.

Doktor akan memberitahu anda apa yang perlu dilakukan jika mengalami hipoglisemia. Dia selalunya akan memberitahu anda untuk memeriksa aras gula dalam darah, mengambil makanan atau minuman yang mengandungi gula seperti gula-gula atau jus buah-buahan, atau mendapat rawatan perubatan. Ikuti arahan dengan teliti jika anda mempunyai sebarang gejala hipoglisemia yang berikut: Kegoyahan, pening atau ringan, berpeluh, rasa cemas atau cepat marah, perubahan dalam tingkah laku atau mood, sakit kepala, kebas atau kesemutan secara tiba-tiba di sekeliling mulut, lemah, kulit pucat, kelaparan, kekok atau pergerakan tersentak-sentak

- Jika hipoglisemia tidak dirawat, gejala yang teruk boleh terjadi. Pastikan bahawa keluarga, rakan-rakan anda dan orang lain yang meluangkan masa dengan anda tahu bahawa jika anda mempunyai sebarang tanda-tanda berikut, mereka perlu membawa anda untuk mendapatkan rawatan perubatan dengan serta-merta: Kekeliruan, sawan, kehilangan kesedaran

#### **6. Kesan-kesan sampingan**

Seperti semua ubat, metformin boleh menyebabkan kesan sampingan, namun tidak semua orang akan mengalaminya.

Berhenti mengambil metformin dan berjumpa doktor atau pergi ke hospital dengan segera jika anda mendapat apa-apa kesan sampingan yang berikut, walaupun sangat jarang berlaku:

- Kehilangan berat badan yang tidak dijangka
  - Berasa amat loya atau muntah
  - pernafasan cepat yang tidak dapat dihentikan
  - Sakit perut atau berasa sejuk
- Ini bermakna anda mengalami "diabetic ketoacidosis" atau "laktik asidosis". Ini adalah mungkin tanda-tanda masalah yang serius dengan diabetis anda. Jika ini berlaku, berjumpa doktor kerana anda akan memerlukan rawatan serta merta.

Lain-lain kesan sampingan:

- Masalah perut seperti rasa loya, muntah, cirit-birit, sakit perut dan hilang selera makan. Kesan-kesan ini yang mungkin berlaku pada awal rawatan.

- Mereka biasanya berakhir dalam masa yang singkat. Pengambil dos bersama atau selepas makan akan membantu.
- berasa logam dalam mulut anda
- Ruam (termasuk kemerahan dan gatal-gatal pada kulit).
- Rendah dalam kandungan vitamin B12. Ini boleh menyebabkan anemia, sakit lidah atau mulut atau mungkin kebas atau kesemutan dalam tubuh.

Jika kesan sampingan menjadi semakin serius, atau jika terdapat apa-apa kesan sampingan yang tidak disenaraikan di sini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

**Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (Consumers → Reporting)**

## 7. Cara penyimpanan dan pelupusan METFORMIN

### Penyimpanan

- Simpan ubat anda di tempat yang selamat daripada jangkauan dan penglihatan kanak-kanak.
- Jangan simpan melebihi 25°C. Simpan di dalam pembungkusan asal.
- Jangan ambil ubat ini selepas tarikh tamat yang dinyatakan di pembungkusan.

### Pelupusan

- Ubat-ubatan tidak boleh dilupuskan bersama air kumbahan atau sisa domestik. Tanya ahli farmasi anda cara untuk melupuskan ubat-ubatan yang tidak lagi diperlukan.

Langkah ini akan membantu untuk melindungi alam sekitar.

## 8. Maklumat lanjut

### Rupa dan warna produk

Metformin Tablet 500mg adalah tablet putih, rata, bulat, mempunyai garisan skor dan bertanda 'M' pada permukaan.

Metformin Tablet 500mg didapati dalam pek blister 10 tablet (10x10's and 100x10's setiap kotak) dan bekas plastik 1000 tablet.

(Bukan semua saiz pek dipasarkan)

- Doktor anda mungkin telah memberi anda ubat sebelum ini daripada syarikat lain. Ia mungkin kelihatan sedikit berbeza. Walau bagaimanapun, kedua-dua jenama akan memberi kesan yang sama.

### Bahan-bahan kandungan

Setiap tablet mengandungi 500mg metformin hydrochloride sebagai bahan aktif.  
Bahan-bahan lain adalah kanji, laktosa, PVP K90, isopropyl alcohol (IPA) & magnesium stearat.

### No. MAL: MAL19961876A

## 9. Pengilang dan pemegang pendaftaran produk:

Dynapharm (M) Sdn Bhd (65683-V),  
2497, Mk. 1, Lorong Perusahaan  
Baru 5, Kawasan Perusahaan Perai 3,  
13600 Perai, Pulau Pinang,  
MALAYSIA

## 10. Tarikh kemaskini RiMUP:

1 April 2014